



## **SITI NORAI SYAH ABD. RAHMAN**

### **LATAR BELAKANG**

Beliau merupakan *Intermedia Artist-Designer* yang menukar kariernya dengan menjadi seorang Pendidik. Beliau memiliki kelulusan di dalam Ijazah Sarjana *Multimedia e-Learning Technologies* pada tahun 2014 dan Ijazah Sarjana Muda Multimedia dalam *Digital Media* pada tahun 2011 dari *Multimedia University Malaysia (MMU)*.

Beliau pernah mengadakan Bengkel Penceritaan untuk Pendagogi Kreatif dan asas Arduino bagi *K\_Space Exploration Programme 2016* di mana perkongsian ilmu *makerthon* di Kathmandu.

Selain itu, beliau telah melaksanakan residensi selama tiga bulan di *Mixed Reality Lab, City University London* di bawah *Multimedia Development Corporation's (MDeC) Creative Lifelong Learning Programme (CILLP)* di mana beliau menjalankan penyelidikan bagi *Quasi-Therapeutic Installation Art on RPi* pada tahun 2015.

Beliau yang kini merupakan Pensyarah dan Timbalan Dekan di Fakulti Animasi dan Multimedia ASWARA telah menjalankan kajian berkaitan dengan teknologi dan kesenian media baharu, psikologi dan pembelajaran eksistensi, dan inovasi di dalam pedagogi kreatif.

## **PENCAPAIAN**

Beliau juga merupakan Google Certified Educator and Principal Author yang telah menerima Best Paper Award pada ICICM 2013 bagi kertas kerja beliau yang berjudul A Pedagogical Re-Tale: Nusantara Folktales Conservation via Multimedia Programming in Alice 2.3. Beliau turut menjadi Penulis Bersama bagi conceptual paper yang bertajuk Tenori-On Haptic : A Visual Tactile Musical Instrument for the Visually and the Hearing Impaired yang telah dinamakan di dalam versi Musikspiele sebagai Medienistik.de.

Tesis Ijazah Sarjana beliau bertajuk An Existential Education : A Study of New Media Technologies in Fostering Self-Actualisation yang telah memupuk minat beliau di dalam teknologi dan kesenian media baharu, pembelajaran sepanjang hayat, dan psikologi eksistensi.